Justeru, kajian ini memberi penekanan terhadap usaha untuk membantu murid KM menguasai aspek kemahiran berfikir aras tinggi melalui penggunaan alat berfikir, iaitu Peta Pemikiran i-THINK yang diterapkan melalui modul pembelajaran, iaitu Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T). Peta Pemikiran i-THINK yang diaplikasikan adalah berbentuk visual. Oleh itu, dengan menghubungkan corak visual kepada proses fikiran yang tertentu, maklumat akan segera diserap ke dalam otak untuk menghasilkan pembelajaran dalam ingatan jangka panjang (Aminah, 2007).

Menurut Hyerle (2000), peta pemikiran dapat meningkatkan kemahiran kognitif murid, iaitu mendefinisikan konsep, menerangkan, mengenal pasti,

mengkategori dan menyusun maklumat, membanding beza, sebab dan akibat, menganalisa dan membuat keputusan. Hyerle dan Yeager (2007) juga menyatakan bahawa peta pemikiran memudahkan murid memahami konsep, menganalisis masalah dan mencari penyelesaian. Dengan menggunakan peta pemikiran, murid-murid dapat menjalankan aktiviti secara kolaboratif dan berkongsi maklumat, serta dapat membina pengetahuan sendiri.

Oleh itu, penggunaan Peta Pemikiran i-THINK sebagai salah satu teknik PdP KM yang dilihat berpotensi meningkatkan kemahiran berfikir murid. Hal ini adalah kerana peta pemikiran boleh menguatkan rangkaian pemikiran, meningkatkan keupayaan semulajadi otak mengesan pelbagai corak perubahan (Hyerle & Yeager, 2007; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a), membantu murid menyusun proses pemikiran mereka, menilai apa yang sudah diketahui dan apa yang belum mereka ketahui (Rajendran, 2000), serta membantu mereka mengorganisasi dan membentangkan idea-idea secara sistematik (Lee & Gan, 2012). Secara tidak langsung modul MAi-T yang dibina ini mampu menjana kemahiran berfikir aras tinggi murid-murid KM melalui aktiviti-aktiviti dan bentuk penyoalan aras tinggi yang terdapat di dalam modul tersebut.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan konsep penting yang diterapkan ke dalam sistem pendidikan Malaysia bagi persediaan menghadapi cabaran pada abad ke-21. Walau bagaimanapun KBAT bukanlah suatu konsep berfikir yang baru dalam sistem pendidikan di Malaysia. Hal ini adalah kerana sejak

tahun 1990 lagi kurikulum pendidikan di Malaysia telah menggunakan konsep kemahiran berfikir. Pada tahun 1994, kemahiran berfikir kreatif dan kritis telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di dalam program Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK). Dalam program KBKK, guru-guru telah diperkenalkan dengan pelbagai alat berfikir, antaranya seperti Peta Minda bagi menjayakan program KBKK dan juga untuk merealisasikan hasrat FPK (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Walaupun penggunaan Peta Minda sebagai alat berfikir dalam KBKK merupakan suatu usaha yang sangat baik pada ketika itu, namun kemahiran tersebut hanyalah bersifat tambahan dan bukan satu subjek peperiksaan menyebabkan cara pelaksanaan dan keberkesannya tidak diberi perhatian secara serius (Muhamad Sidek, 2013).

Pada masa yang sama program KBKK juga selaras dengan matlamat Wawasan 2020, iaitu sistem pendidikan yang berperanan untuk mendidik dan menghasilkan rakyat yang berpengetahuan, berketerampilan, serta mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam hal ini, kebolehan berfikir sangat penting untuk setiap individu bukan sahaja supaya murid mampu untuk menyelesaikan sesuatu masalah tetapi juga agar mereka mampu membuat keputusan untuk diri sendiri, masyarakat dan negara (Phillips,1999). Walaupun kemahiran berfikir telah lama beroperasi dalam sistem pendidikan di Malaysia, namun hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru kurang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Sebaliknya, fokus pengajaran mereka di dalam bilik darjah lebih banyak berpusatkan kepada guru dan terarah kepada persediaan murid untuk menghadapi peperiksaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Sistem yang masih berasaskan kepada peperiksaan didapati telah

memberi tekanan kepada murid-murid dalam konsep menghafal dan mengingat fakta-fakta.

Selain itu, perkembangan kemahiran berfikir juga kurang diberi penekanan di sekolah-sekolah sebelum ini kerana sesetengah guru beranggapan jika murid diberi kebebasan berfikir mereka akan menyoal atau mengkritik status-kuo dan membangkitkan isu yang tidak sepatutnya dibincangkan. Malah ada juga guru yang beranggapan bahawa murid-murid perlu menguasai keseluruhan isi kandungan sesuatu mata pelajaran dahulu sebelum mereka dapat berfikir (Philips, 1999). Kajian Christina Andin dan Abd. Haris (2011) juga mendapati bahawa guru mata pelajaran Reka Cipta kurang mengintegrasikan konsep dan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif semasa mengajar, sebaliknya kaedah projek yang lebih kerap dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran. Dapatan daripada temubual juga mendapati bahawa guru-guru masih kurang bersedia dari aspek pengetahuan dan minat. Secara umumnya, dapatan ini memberikan gambaran tentang kualiti guru-guru yang masih berada pada tahap yang tidak meyakinkan untuk melaksanakan pengajaran yang berkualiti yang menggunakan dan mengintegrasikan konsep kemahiran berfikir dalam PdP.

Masalah yang sama juga berlaku kepada guru-guru pelatih yang masih dalam kursus perguruan. Walaupun mereka telah diberi pendedahan dan dilatih mengaplikasikan kemahiran berfikir, namun ternyata mereka masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran tersebut. Kajian Wan Mohd. Madehi (2011) menunjukkan bahawa guru pelatih Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Ambilan Januari 2007 kurang cekap menyematkan kemahiran berfikir dalam

pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah semasa mereka menjalani program praktikum. Perkembangan ini merupakan suatu fenomena yang tidak sihat kerana ia menyekat dan mengekang perkembangan minda murid-murid untuk memproses kemahiran berfikir. Kesannya akan lahir generasi yang malas berfikir dan seterusnya akan merugikan negara dalam pelbagai aspek kerana tidak berlaku percambahan minda yang menyebabkan sesebuah negara akan ketinggalan dalam perkembangan arus globalisasi (Arfah, Fadzilah & Rohizani; 2014).

Secara dasarnya memang terdapat perbezaan antara KBAT dan kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK). Dalam konteks ini, apa yang berbeza adalah strategi yang dirangka, iaitu di dalam KBAT strateginya lebih komprehensif dan bersepadu berbanding KBKK (Suhaila, 2014). Selain itu, KBAT juga menggalakkan murid untuk lebih berfikir secara analitikal bagi meningkatkan keupayaan intelektual dan kebolehan kritikal (Rosyahaida, 2014). Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat agar murid-murid dapat menguasai KBAT, sistem pendidikan di Malaysia tidak terkecuali dalam menyediakan segala kelengkapan dan kemudahan dari aspek mental dan fizikal untuk setiap generasi, baik dari pra sekolah sehinggalah ke pendidikan tertinggi di universiti. Selain itu, pelbagai usaha dan inisiatif juga dijalankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjayakan hasrat tersebut bagi memastikan murid-murid di Malaysia dapat menguasai kemahiran berfikir aras tinggi.

Menyedari hakikat inilah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif dan langkah yang proaktif, serta tidak terkecuali juga termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan

Kesusasteraan Melayu (FPKM) khususnya. Antara lain FPK dan FPKM dibina bertujuan untuk melahirkan warganegara yang berdaya saing dan berfikiran maju ke hadapan serta menghasilkan modal insan yang kreatif dan berinovatif. Usaha ini penting sebagai satu langkah persediaan bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang menuntut setiap warganegara mempunyai daya fikir pada aras tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Oleh itu, selain daripada menggalakkan murid-murid mempelajari kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, ia juga membolehkan murid-murid bekerja secara berkolaboratif (Agensi Inovasi Malaysia, 2012). Kemahiran ini amat penting bagi memastikan kelangsungan generasi yang berwawasan dan mempunyai daya saing yang tinggi bagi mencapai aspirasi negara maju.

Justeru, antara inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menghadapi cabaran abad ke-21, ialah dengan memperkenalkan dan menekankan konsep KBAT dalam PPPM 2013-2025, iaitu suatu konsep yang mengukur kemampuan dan keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah serta membuat keputusan. Oleh itu, bagi merealisasikan hasrat ini kerajaan juga telah memperkenalkan dan melaksanakan program i-THINK dengan kerjasama Agensi Inovasi Malaysia (AIM) (di bawah Jabatan Perdana Menteri). Program i-THINK bertujuan mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid untuk menghasilkan murid yang berinovatif. Justeru, bagi mencapai hasrat untuk melaksanakan KBAT dalam sistem pendidikan di Malaysia secara serius, guru dan murid akan menggunakan alat berfikir dalam proses pengajaran dan

pembelajaran di samping melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir aras tinggi (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a).

Di negara Barat, peta pemikiran telah membantu ramai guru dan murid dalam proses pembelajaran. Bertepatan dengan konsep menghubungkan corak visual kepada proses fikiran yang tertentu, peta pemikiran membolehkan murid mengembangkan rangkaian neural untuk berfikir bahawa otak mengiktiraf dan membina secara berterusan. Oleh itu, peta pemikiran akan meningkatkan keupayaan murid untuk memindahkan kemahiran berfikir secara bebas dan pembelajaran sepanjang hayat. Melalui pengulangan, konsisten dan lanjutan, penggunaan peta pemikiran menguatkan rangkaian untuk pemikiran, dan seterusnya meningkatkan keupayaan semulajadi otak sebagai pengesan corak (Roehl, 2007). Dalam hal ini, perkara yang sama jugalah diharapkan akan berlaku kepada murid-murid yang berada dalam sistem pendidikan di Malaysia. Melalui program i-THINK, lapan jenis peta pemikiran diperkenalkan dan setiap daripada peta pemikiran tersebut mempunyai proses pemikiran yang tersendiri. Oleh yang demikian adalah diharapkan guru dan murid dapat menerapkan proses pemikiran tersebut ke dalam sistem pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini bermakna bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21 murid-murid akan dan bersedia dilengkapi dengan kemahiran yang tepat (Agensi Inovasi Malaysia, 2012).

Dalam hal ini, pembelajaran KM juga tidak terkecuali dalam menerapkan konsep kemahiran berfikir aras tinggi sebagaimana matlamat pendidikan KM di Malaysia yang antara lain bertujuan untuk menjana minda dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah

pembinaan insan bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a). Sebagaimana pandangan Rajendran (2000), subjek KM seharusnya boleh menjadi wahana yang berkesan untuk mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini kerana sastera yang baik dan indah dapat meluaskan pandangan dan tinjauan di samping membina dan menyuburkan 'rasa ingin tahu' terhadap sesuatu fenomena (Mohd. Kassim, 1994). Oleh kerana kemahiran berfikir merupakan salah satu aspek Kemahiran Bernilai Tambah yang diberi penekanan dalam subjek KM, maka penggunaan peta pemikiran i-THINK diharap dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid-murid KM. Dengan mengintegrasikan kandungan pengetahuan KM dan alat-alat pemikiran yang terdapat dalam program i-THINK, murid bukan sahaja dilihat berpotensi untuk meningkatkan kefahaman dalam mata pelajaran KM, malah pada masa yang sama dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid berkenaan. Jelaslah bahawa harapan dan hasrat melalui program ini adalah untuk melahirkan inovator generasi masa hadapan Malaysia dengan kebolehan dan kemahiran berfikir yang mampu membawa mereka menyesuaikan diri dan menangani cabaran global menjelang abad ke-21.

Oleh itu, untuk menghadapi cabaran pada abad ke-21, program i-THINK merupakan pendekatan yang realistik dan praktikal untuk memupuk proses pemikiran dalam kaedah PdP melalui penggunaan lapan peta pemikiran. Menerusi program i-THINK proses berfikir diterap bagi membantu murid memahami sesuatu konsep dan mengaplikasikannya dalam menyelesaikan permasalahan. Daripada perspektif ini, penggunaan lapan peta pemikiran dalam program i-THINK yang dibangunkan oleh Dr. David Hyerle dilihat boleh menjadi alternatif kepada pendekatan tradisional, dan dijangka berupaya memberi kesan positif ke atas



kemahiran berfikir aras tinggi murid-murid dalam subjek KM melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan. Justeru, program i-THINK telah menjadi asas kepada pembinaan modul MAiT untuk melihat keberkesanannya ke atas kemahiran berfikir murid-murid KM.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan satu elemen yang sangat penting untuk diterapkan dalam proses PdP pada abad ke-21. Elemen ini sejajar dengan salah satu matlamat pendidikan KM di Malaysia, iaitu bertujuan untuk menjana minda murid-murid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Walau bagaimanapun, didapati penguasaan KBAT dalam kalangan murid-murid masih lagi lemah (Rosnani, 2012) dan mereka kurang mengaplikasikan KBAT dalam proses PdP (Rajendran, 2000). Terdapat beberapa isu yang dikenal pasti telah menyebabkan elemen kemahiran berfikir aras tinggi sukar diaplikasikan dalam kalangan murid, khususnya murid KM.

Isu pertama yang dikenal pasti ialah masalah kekurangan bahan-bahan rujukan pengajaran dan panduan untuk subjek KM. Murid-murid yang mengambil subjek KM menghadapi masalah kekurangan bahan-bahan pembelajaran KM seperti buku-buku rujukan, modul (Fariza Nurbaya, 2013; Mohamad Mokhtar, 2013) dan buku-buku panduan mengaplikasikan KBAT dalam PdP KM. Kenyataan ini disokong oleh dapatan temu bual yang dijalankan ke atas beberapa orang murid KM yang mengatakan bahawa mereka kekurangan bahan-bahan rujukan dan tidak ada modul pengajaran tentang KM dan KBAT sebagai panduan. Sebaliknya, subjek-subjek lain

seperti Sains, Matematik, Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Ekonomi Asas, dan Teknologi Kejuruteraan adalah antara subjek yang mempunyai buku panduan atau modul yang menunjukkan cara bagaimana untuk mengaplikasikan KBAT dalam PdP (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014c; 2013d; 2012c). Hal ini telah menjadi masalah kepada murid KM untuk memahami, menguasai dan mengaplikasikan elemen KBAT dalam setiap topik pembelajaran mereka.

Oleh sebab itu, modul MAi-T dibangunkan bagi membantu murid-murid KM menguasai dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi mereka. Modul MAi-T merupakan satu bahan rujukan mengenai pembelajaran puisi, iaitu sajak dan pantun dalam subjek KM. Kandungan modul MAi-T memperkenalkan aspek-aspek kajian struktural seperti tema, persoalan, gaya bahasa dan sebagainya yang dianalisis, dinilai dan dicipta dengan menggunakan Peta Pemikiran i-THINK. Secara tidak langsung modul MAi-T telah membantu murid KM dalam usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi mereka.

Isu kedua yang dikenal pasti ialah kualiti murid yang berada dalam jurusan KM yang lemah. Banyak kajian menunjukkan bahawa murid yang mengambil subjek KM adalah murid yang lemah (Misran, 1999; Azaha, 2004; Mohamad Saleeh, 2010; Abdul Razak & Ismail, 2013; Ibrahim, 2013; Ooi, 2013; Fariza Nurbaya, 2013) berdasarkan kepada pencapaian Penilaian Tingkatan 3 (PT3) yang mereka perolehi. Dapatan daripada kajian awal di dua buah sekolah menengah di Kedah mendapati bahawa murid-murid yang mengambil subjek elektif KM adalah terdiri daripada murid-murid yang kurang cemerlang dalam PT3. Jadual 1.1 menunjukkan

pencapaian murid yang mengambil elektif KM berdasarkan Peperiksaan Penilaian Tingkatan 3 (PT3) pada tahun 2014.

Jadual 1.1

*Pencapaian murid Kesusasteraan Melayu dalam PT3 2014 di dua buah sekolah di Kedah*

Sekolah	Gred Pencapaian PT3									Jumlah murid
	1A	2A	3A	4A	5A	6A	7A	8A	Tiada A	
Sekolah A	10	6	2	-	-	-	-	-	22	40
Sekolah B	2	22	20	7	9	1	1	-	-	62

Berdasarkan analisis pencapaian murid dalam PT3 di atas, daripada seramai 40 orang murid yang mengambil subjek KM di Sekolah A, seramai 18 orang hanya memperolehi antara 1A hingga 3A sahaja dan seramai 22 orang murid tidak mendapat A dalam kesemua lapan mata pelajaran. Begitu juga di Sekolah B, seramai 44 orang murid daripada 62 orang murid hanya mendapat antara 1A hingga 3A. Dapatan analisis pencapaian murid KM dalam PT3 ini menunjukkan bahawa murid-murid yang mengambil elektif KM adalah murid-murid yang mendapat keputusan yang kurang cemerlang dalam PT3.

Pandangan Sarimah dan Shaharom (2008) menyatakan bahawa tahap kognitif seseorang murid menjadi ukuran sesebuah pencapaian, serta dikaitkan dengan kemampuan mereka untuk menguasai kemahiran berfikir. Kajian Lewis dan Smith (1993) juga mendapati bahawa apabila murid menerima maklumat, mereka akan memproses dan menilai maklumat tersebut, dan seterusnya membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah yang bukan kebiasaan baginya. Pandangan ini turut

mendapat sokongan kajian Vijayaletmy dan Selvam (2015) yang menjelaskan bahawa konsep KBAT melibatkan kemahiran kognitif yang tinggi dari aspek kemahiran menganalisis, sintesis, menilai dan menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Pandangan oleh Sarimah dan Shaharom (2008), Lewis dan Smith (1993) dan Vijayaletmy dan Selvam (2015) jelas menunjukkan bahawa tahap keupayaan kognitif seseorang adalah berkait rapat dengan kemahiran berfikir aras tinggi.

Tetapi bagi subjek KM, kebanyakan muridnya memiliki prestasi akademik yang lemah, sedangkan dalam Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu (SPKM) murid-murid KM perlu menguasai kemahiran berfikir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a). Hal ini adalah kerana proses pembelajaran KM memerlukan murid menganalisis karya-karya sastera, memberi penilaian terhadap karya serta mensintesis idea untuk mencipta. Analisis Kupasan Mutu Jawapan (KMJ) murid dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2013 dan 2014 membuktikan bahawa murid-murid KM tidak berupaya untuk mencipta pantun dan sajak yang menepati ciri-ciri sebuah puisi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015 & 2014). Antaranya proses penciptaan pantun, Analisis KMJ (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015 & 2014) mendapati bahawa calon-calon SPM tidak dapat menghasilkan pantun yang menepati ciri-ciri pantun yang baik, seperti tidak mempunyai pembayang dan maksud pada setiap rangkap pantun, pembinaan rima akhir setiap rangkap adalah bebas dan bilangan perkataan setiap baris tidak berada dalam lingkungan empat hingga lima patah perkataan. Selain itu, bilangan suku kata setiap baris juga tidak berada dalam lingkungan 12 suku kata sebaris.

Kajian Tengku Fairuse (2015) juga mendapati bahawa proses PdP dalam bilik darjah masih berada pada aras rendah dan kajian ini disokong oleh kajian Che Zahariah dan Fadzilah (2011) yang mendapati bahawa guru-guru tidak mengajar murid menguasai KBAT seperti kemahiran mencari, memahami, menganalisis dan menggunakan maklumat. Dalam hal ini, kajian Rajendran (2000) juga mendapati bahawa murid-murid KM gagal mentafsir, menganalisis dan menilai kandungan teks yang dikaji kerana murid-murid KM kurang diaplikasikan dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam proses PdP sedangkan proses pengajaran kesusasteraan mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemahiran berfikir aras tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan guru-guru untuk mengajar kemahiran berfikir kepada murid-murid amat kurang jika dibandingkan dengan kesediaan mereka untuk mengajar subjek kepakaran masing-masing (Rajendran, 2017).

Hasil daripada kajian-kajian ini menunjukkan satu senario negatif kerana ia menghalang perkembangan minda murid-murid untuk memproses kemahiran berfikir. Guru seharusnya memastikan peruntukan tumpuan, masa dan ruang yang secukupnya bagi proses kemahiran berfikir berlangsung dalam bilik darjah (Rajendran, 2017). Kajian Gabbin (2002) dan Nooraishah (2004) pula menyatakan antara sebab lain murid tidak menguasai KBAT kerana mereka tidak diberi peluang untuk menguasai aspek KBAT seperti menganalisis, mensintesis, penilaian, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan kemahiran komunikasi. Sebaliknya murid-murid hanya menerima sahaja apa yang diberikan oleh guru tanpa memberi peluang untuk mereka berfikir (Chew, 2006; Abd. Hamid, 2006) dan menghafal segala maklumat yang diberikan kepada mereka (Mat Asuar, 2008).

Amalan pedagogi seperti ini lebih berpusatkan guru (*Teacher centered*) dan gaya pengajaran sehalu (*chalk and talk*) (Rajendran, 1998 & 2001) untuk menyampaikan kandungan pelajaran. Kaedah berpusatkan guru ini menyebabkan pembinaan pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid-murid menjadi terbatas (Zamri & Nur Aisyah, 2011), sedangkan dalam kajian Rajendran (2000) mendapati bahawa dalam proses PdP Kesusasteraan Melayu, penglibatan murid yang aktif merupakan aspek yang paling penting dalam usaha mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. Oleh itu, proses pembelajaran yang masih lagi berpusatkan guru atau kaedah pengajaran tradisional untuk menyampaikan maklumat (Zamri & Nor Razah, 2011) menyebabkan guru gagal merangsang pemikiran murid kerana murid hanya bertindak sebagai pendengar sahaja dan mereka tidak berpeluang untuk mengaplikasikan proses berfikir.

Dapatan kajian juga mendapati kemahiran berfikir gagal diaplikasikan kerana murid-murid masih lagi dibebani dengan proses pembelajaran untuk peperiksaan (Mladenovic, 2001; Chew, 2006; Rosnani, 2012; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a; Siti Khariah, 2013; Rohaida & Zamri, 2015). Kajian Chew (2006) menjelaskan bahawa peruntukan masa hanya 120 minit seminggu untuk subjek KM sedangkan murid perlu mengkaji semua aspek struktural dalam teks sastera. Kajian Sukiman et al. (2011) dan Mat Asuar (2008) pula menunjukkan bahawa tekanan untuk menghabiskan silibus menyebabkan guru hanya memfokuskan PdP untuk proses menghafal dan mengingat (Mat Asuar, 2008).

Oleh sebab itu, dalam kajian ini penyelidik membangunkan modul MAi-T yang mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi dan Peta Pemikiran i-THINK

sebagai satu usaha untuk membudayakan kemahiran berfikir dalam proses PdP KM. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan modul MAi-T yang mengaplikasikan tujuh daripada lapan Peta Pemikiran i-THINK (Hyerle, 2007; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Berdasarkan aktiviti-aktiviti dan soalan-soalan yang diaplikasikan dalam modul MAi-T dapat membantu murid-murid menganalisis, menilai serta mencipta sajak dan pantun kerana modul ini menggunakan kaedah penyusunan grafik Peta Pemikiran i-THINK. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Hyerle (2000) bahawa peta pemikiran dapat meningkatkan kemahiran kognitif murid, iaitu mendefinisikan konsep, menerangkan, mengenal pasti, mengkategorikan dan menyusun maklumat, menyusun, banding beza, sebab dan akibat, menganalisa dan membuat keputusan. Pandangan Hyerle disokong oleh kajian Rajendran (2000) bahawa penggunaan pengurusan grafik membantu murid menyusun proses pemikiran, menguasai langkah-langkah asas sesuatu kemahiran dengan cara yang teratur dan menilai apa yang sudah diketahui dan apa yang belum diketahui.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini mempunyai dua tujuan utama. Tujuan pertama ialah mereka bentuk modul pengajaran KM berasaskan Peta Pemikiran i-THINK, iaitu Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T). Modul ini akan dinilai melalui program penilaian formatif, iaitu melibatkan tiga peringkat penilaian. Oleh itu, tujuan kajian pertama melibatkan dua fasa. Fasa I, ialah Fasa Penghasilan Modul dan fasa II ialah Fasa Penilaian Formatif.

Tujuan kajian yang kedua ialah untuk menguji keberkesanan modul MAi-T ke atas tahap KBAT murid KM dan keupayaan murid KM mencipta puisi ke atas sekumpulan murid tingkatan empat. Satu kajian kuasi eksperimen dilaksanakan untuk melihat kesan olahan pengajaran ini (modul MAi-T) terhadap tahap kemahiran berfikir aras tinggi dan keupayaan murid KM menghasilkan puisi.

### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah:

1. Membina Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T).
2. Mengkaji kesan penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T) terhadap tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid Kesusasteraan Melayu.
3. Mengkaji keupayaan murid Kesusasteraan Melayu menghasilkan puisi setelah menggunakan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T).
4. Mendapatkan pandangan murid Kesusasteraan Melayu terhadap keberkesanan penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T).
5. Mendapatkan pandangan guru Kesusasteraan Melayu terhadap keberkesanan penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T).

### **1.6 Soalan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah Modul MAi-T direkabentuk bagi digunakan dalam pengajaran puisi dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu?
2. Bagaimanakah Modul MAi-T dinilai kesesuaiannya bagi digunakan dalam pengajaran puisi dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu?



3. Adakah penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T) memberi kesan signifikan terhadap tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid Kesusasteraan Melayu?
4. Sejauh manakah murid Kesusasteraan Melayu berupaya menghasilkan puisi setelah menggunakan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T)?
5. Apakah pandangan murid Kesusasteraan Melayu terhadap keberkesanan penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T)?
6. Apakah pandangan guru Kesusasteraan Melayu terhadap keberkesanan penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T)?

Soalan 1 dan soalan 2 dijawab dalam Bab 4, manakala soalan 3 hingga soalan 6 dijawab dalam Bab 5.

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Hipotesis nul kajian ini ialah:

$H_{01}$ : Penggunaan Modul Aktiviti i-THINK (MAi-T) tidak memberi kesan signifikan ke atas tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid Kesusasteraan Melayu.

### **1.8 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini boleh digunakan untuk melihat aspek kepentingan KBAT dan Peta Pemikiran i-THINK dalam modul MAi-T terhadap individu mahupun kepada pihak institusi-institusi yang berkenaan. Antara individu yang terlibat seperti murid dan guru, manakala institusi yang berkenaan ialah seperti institusi pengajian pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM).

Pertama, modul MAi-T yang dihasilkan dalam kajian ini diharapkan boleh diguna untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi murid KM. Dalam subjek KM, kemahiran berfikir merupakan salah satu Kemahiran Bernilai Tambah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003) yang perlu dikuasai murid, dan kemahiran ini akan lebih mudah dikuasai sekiranya alat berfikir yang sesuai digunakan. Sebagai contoh, untuk mengajar perbezaan bentuk pantun dua kerat dan bentuk pantun empat kerat. Selain daripada guru menjelaskan definisi bentuk pantun dua kerat dan bentuk pantun empat kerat kepada murid, guru juga boleh meminta murid mencatatkan bentuk pantun dua kerat dan bentuk pantun empat kerat dengan menggunakan Peta Buih Berganda, iaitu salah satu daripada lapan Peta Pemikiran i-THINK. Perbezaan bentuk pantun dua kerat dan bentuk pantun empat kerat digambarkan secara visual menyebabkan ia lebih mudah untuk difahami murid. Pengetahuan murid bukan sahaja dapat dipertingkatkan, malah murid juga dapat berfikir untuk membuat keputusan yang wajar hasil daripada penilaian yang terdapat dalam karya yang dibincangkan. Keupayaan membuat keputusan merupakan salah satu daripada aspek kemahiran berfikir aras tinggi yang perlu dikuasai murid dalam kurikulum subjek KM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003a).

Kedua, contoh Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang disediakan dalam kajian ini boleh dijadikan panduan kepada guru untuk merancang pelbagai aktiviti pembelajaran. Modul MAi-T yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dijadikan alternatif kepada guru KM untuk mempelbagaikan lagi strategi pengajaran yang digunakan dalam pengajaran KM, terutamanya terhadap murid yang mempunyai aras kemahiran berfikir yang berbeza. Dengan mengambil kira kepentingan KBAT murid semasa mengajar KM, guru akan menggunakan mana-mana lapan peta pemikiran

yang terdapat dalam Peta Pemikiran i-THINK bagi membantu murid-murid membuat perkaitan antara konsep-konsep yang perlu dikuasai oleh murid.

Ketiga, kepada institusi pendidikan seperti Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti-universiti yang menyediakan latihan dalam subjek KM. Kajian ini penting kerana modul MAi-T yang diguna boleh dijadikan asas panduan bagi menyediakan aktiviti-aktiviti PdP yang menekankan penggunaan tujuh peta pemikiran daripada lapan peta pemikiran i-THINK bagi mengajar tajuk yang berbeza dalam subjek KM, serta satu peta pemikiran yang ditambahbaik untuk disesuaikan dengan topik berkenaan dalam genre puisi.

Keempat, dapatan kajian ini boleh diguna oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM sebagai asas untuk merangka strategi pengajaran KM yang mengambil kira penggunaan Peta Pemikiran i-THINK bagi meningkatkan tahap KBAT murid. Selain itu, modul MAi-T diharapkan boleh menjadikan proses PdP subjek KM lebih menyeronokkan, meyakinkan, dan fleksibel untuk dilaksana mengikut konteks tahap KBAT murid KM.

Kelima, kajian ini juga adalah diharapkan dapat digunakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk merangka soalan-soalan KM peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang beraras tinggi dan menepati Taksnomi Bloom versi Anderson dan Krathwohl (2001).

## 1.9 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dijalankan ialah, pertama; melalui PPPM 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), KPM telah melakukan satu transformasi pendidikan iaitu memperkenalkan program i-THINK dengan kerjasama Majlis Inovasi Malaysia (MIM) sebagai satu usaha untuk menghadapi cabaran pendidikan menjelang abad ke-21 dan mengekalkan daya saing di peringkat dunia. Dalam hal ini, KPM dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah membentuk kerjasama untuk memperkenalkan program i-THINK yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid.

Menerusi program ini guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di samping melaksanakan aktiviti kemahiran berfikir aras tinggi bagi menghasilkan murid yang berinovatif (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a; Agensi Inovasi Malaysia, 2012). Dengan mengintegrasikan kandungan pengetahuan KM dan peta pemikiran yang terdapat dalam program i-THINK, murid bukan sahaja dilihat berpotensi untuk meningkatkan kefahaman dalam mata pelajaran KM, malah pada masa yang sama dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid berkenaan.

Kedua, program i-THINK adalah program usahasama KPM dengan AIM untuk membantu pihak sekolah memupuk kemahiran berfikir, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir menyelesaikan masalah dan berupaya berfikir secara kreatif dan kritis dalam kalangan murid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a; Mazwin, 2012). Sebagai permulaan, program ini telah dilaksanakan ke atas